

**Pembangunan Dan Kebolehgunaan Modul Bahasa Arab "Marhaban" Berteraskan
CEFR (Tahap A1 & A2)**

***Development And Usability Of The Arabic Language Module "Marhaban" Based On
CEFR (A1 & A2 Levels)***

Rahimah Abd Rahman, Hawa binti Alias, Muhammad Hafizzudin bin Zakaria,
Nurul Wardah Nazifah binti Razali
Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
rahimah@usas.edu.my

To Cite this Article (APA): Abd Rahman, R., Alias, H., Zakaria, M. H., & Razali, N. W. N. (2024). Development and Usability of the Arabic Language Module "Marhaban" Based On CEFR (A1 & A2 Levels). *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(2), 55–69. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.2.4.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.2.4.2024>

Abstrak

The Common European Framework of Reference (CEFR) merupakan sebuah kerangka standard piawaian yang dibina semenjak tahun 1960 bagi menyelaraskan pengajaran dan penilaian tahap penguasaan bahasa Inggeris di Kesatuan Eropah. Kerangka CEFR mengintegrasikan empat kemahiran bahasa utama secara komprehensif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), menerapkan kaedah penilaian penguasaan bahasa berdasarkan tahap tertentu serta bersifat fleksibel dalam aspek pelaksanaannya. Hal ini menyebabkan CEFR diterima dan diadaptasikan secara meluas oleh pelbagai negara dan institusi dalam pengajaran bahasa, termasuklah bahasa Arab. Justeru itu, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) telah mengorak langkah dalam membangunkan modul bahasa Arab berjudul "Marhaban" berteraskan standard CEFR bagi tahap A1 dan A2. Modul ini dibangunkan berdasarkan pendekatan model instruksi ADDIE yang melibatkan lima fasa iaitu analisis keperluan modul, reka bentuk modul, pembangunan modul, pelaksanaan modul dan pentaksiran modul. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kebolehgunaan modul tersebut dalam PdP bahasa Arab di USAS. Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan dengan menganalisis data penilaian daripada para penilai modul yang terdiri daripada dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Dapatan kajian pula disusun secara tematik dan dihuraikan dalam bentuk deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara umumnya, modul ini selari dengan pendekatan CEFR yang menekankan aspek penguasaan empat kemahiran bahasa menerusi pelbagai bentuk aktiviti dan latihan sama ada secara sendiri ataupun berkumpulan. Manakala dari aspek kebolehgunaan pula, kajian mendapati modul ini sesuai digunakan untuk PdP bahasa Arab di USAS. Modul ini mempunyai potensi komersial kerana kandungannya menerapkan pelbagai elemen persekitaran setempat. Justeru, modul ini bukan sahaja boleh digunakan dalam proses PdP bahasa Arab di institusi pengajian, malah dapat digunakan untuk pembelajaran bahasa Arab secara sendiri oleh orang awam.

Kata kunci: Pembangunan modul, kebolehgunaan modul, modul bahasa Arab, CEFR

Abstract

The Common European Framework of Reference (CEFR) was established as a standardized framework in 1960 with the aim of harmonizing the teaching and evaluation of English language skills across the European Union. The CEFR framework comprehensively integrates four fundamental language skills into the educational process, utilizes language proficiency assessment methods that correspond to distinct proficiency levels, and exhibits flexibility in its application. Consequently, the CEFR is widely accepted and used by numerous countries and educational institutions involved in teaching languages, including those teaching Arabic. Hence, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) has initiated the development of an Arabic language module named "*Marhaban*," which has been meticulously designed following the guidelines of the CEFR for proficiency levels A1 and A2. This module is developed based on the ADDIE instruction model approach, consisting of a structured series of five consecutive stages: analyzing module requirements, designing the module, developing the module, implementing the module, and evaluating the module. Therefore, this study aims to analyze the usability of the module in teaching and learning Arabic language in USAS. This qualitative study was conducted by analyzing the review data collected from the panel of evaluators for the course, comprising of two Arabic language experts who are native speakers and two Arabic language experts who are non-native speakers. The findings were compiled thematically and reported in descriptive form. The findings indicate that this module aligns with the principles of the CEFR framework, which emphasizes on the acquisition of all four language skills through a diverse range of individual or collaborative activities and exercises. Regarding usability, the study indicates that this module is suitable for teaching and learning Arabic language within the context of USAS. This module possesses significant commercial viability by incorporating a variety of components from the local context into its content. Therefore, this resource can be utilized not only within academic institutions for teaching and learning Arabic, but also by the general public for self-directed Arabic language learning.

Keywords: module development, module usability, Arabic language module, CEFR

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sebagai bahasa asing semakin meluas seiring perubahan zaman dan tuntutan terhadap penguasaan bahasa asing (Jamous, & Chik, 2012). Bahasa Arab diperkenalkan di semua peringkat pendidikan iaitu; peringkat pra sekolah, peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi. Pendekatan pembelajaran bahasa Arab juga mengalami perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan tujuan pembelajaran dan tahap keberkesannya. Justeru itu, *The Common European Framework* (CEFR) telah diguna pakai sebagai satu penanda aras untuk menyelaraskan proses pengajaran dan penilaian tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar (KPM, 2015). Kerangka (CEFR) merupakan sebuah kerangka standard piawaian yang diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah untuk menyelaraskan proses pengajaran dan penilaian tahap penguasaan bahasa Inggeris (Council of Europe, 2021).

Umumnya, kerangka ini mengandungi penerangan terperinci tentang pembelajaran, pengajaran serta penilaian tahap penguasaan bahasa. Menurut Council of Europe (2021), kerangka ini menekankan penguasaan empat kemahiran bahasa yang utama secara komprehensif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Penilaian tahap penguasaan bahasa pelajar pula adalah berdasarkan tahap tertentu iaitu; A1, A2, B1, B2, C1, C2. Pelaksanaannya

bersifat fleksibel, boleh diadaptasi dan diolah mengikut kesesuaian. Kerangka CEFR turut digunakan serta diadaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa selain bahasa Inggeris seperti bahasa Arab (Al-Jarf & Mingazova, 2020) dan bahasa Melayu (KPM, 2015). Tahap penguasaan bahasa dalam kerangka CEFR dibahagikan kepada tiga bahagian utama seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Tahap penguasaan bahasa menurut kerangka CEFR

A Pegguna asas (peringkat permulaan)	A1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh memahami dan menggunakan ungkapan harian yang biasa dan frasa yang sangat asas. Interaksi hendaklah secara jelas dan perlahan. Boleh memperkenalkan diri sendiri dan orang lain, serta boleh bertanya dan menjawab soalan berkaitan butiran peribadi seperti nama, tempat belajar dan tempat tinggal.
	A2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh memahami dan menggunakan ayat serta ungkapan yang kerap digunakan berkaitan dengan perkara lazim, contohnya maklumat peribadi, maklumat asas keluarga, membeli-belah, geografi tempatan dan pekerjaan. Boleh berkomunikasi, bertukar maklumat dan menghuraikan secara ringkas mengenai perkara peribadi, hal-hal biasa dan perkara rutin dengan menggunakan perkataan dan ungkapan mudah. Boleh memahami dan menghasilkan teks bersambung yang ringkas mengenai maklumat peribadi dan topik lazim misalnya berkaitan dengan tempat kerja, tempat belajar, minat dan aktiviti masa lapang.
B Pegguna bebas (peringkat pertengahan)	B1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh menerangkan perkara yang lebih luas misalnya urusan kerja, pengalaman, harapan dan cita-cita, serta dapat memberikan alasan dan penjelasan dalam perkara tertentu. Boleh berinteraksi dengan fasih dan spontan serta dapat menyuarakan pandangan terhadap isu tertentu dengan lebih mendalam.
	B2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh memahami idea utama dan menghasilkan teks kompleks yang membincangkan tentang perkara teknikal dalam sesuatu bidang atau pengkhususan. Boleh mengekspresikan diri dengan lancar dan spontan berkaitan aspek sosial, akademik atau untuk tujuan profesional.
C Pegguna mahir (peringkat mahir)	C1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh memahami teks yang lebih panjang dan makna tersirat. Boleh menghasilkan teks yang jelas, idea yang tersusun dengan baik dan terperinci berkaitan topik yang kompleks. Boleh memahami hampir kesemua perkara yang dibaca dan didengari dengan mudah. Boleh merumuskan dan membentangkan semula maklumat atau hujah yang diperolehi daripada pelbagai jenis sumber sama ada sumber lisan atau bertulis.
	C2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengekspresikan diri secara spontan, lancar dan tepat serta dapat membezakan makna secara mendalam dalam situasi yang lebih rumit.

Penyataan Masalah

Tahap penguasaan pelajar bahasa Arab di Malaysia secara keseluruhannya masih berada di tahap yang rendah, sama ada dari sudut penguasaan kemahiran mendengar (Sumaiyah et al., 2018), bertutur (Siti Salwa et al., 2021), membaca (Rani N.I.S.C et al., 2021) dan menulis (Mohamad Rofian et al., 2020). Bukan itu sahaja, saiz kosa kata bahasa Arab pelajar juga berada di tahap yang rendah serta tidak memuaskan (Abdul Razak Zainur Rijal et al., 2020). Hal ini menyebabkan pelajar bahasa Arab sukar untuk berkomunikasi, memahami teks dan menulis ayat dengan baik (Samah, R., 2010), lantas menjadi antara punca utama terhadap kegagalan pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik (Nik Mohd Rahimi, 2014).

Menurut Hussin, M., Ismail, Z., & Naimah (2023), masalah kualiti bahan pengajaran merupakan antara faktor penyumbang kepada pencapaian pelajar bahasa Arab yang tidak memberangsangkan. Permasalahan yang sama juga pernah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti (Ismail, 2008) dan (Samah, 2012). Menurut Zaini et al., (2019) pula, terdapat beberapa masalah dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia yang berpunca daripada faktor kekurangan bahan bantu mengajar dan faktor persekitaran. Bahan bantu mengajar seharusnya mampu menarik minat pelajar bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan satu modul bahasa Arab berjudul "*Marhaban*" yang dibina berteraskan kerangka CEFR bagi tahap A1 dan A2, sebagai usaha untuk menangani masalah ini. Menurut (Khasanah, 2019), kerangka CEFR dilihat sebagai satu penanda aras yang baik dalam pengajaran bahasa kerana ia merangkumi pelbagai komponen linguistik, pragmatik dan sosiolinguistik yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa, selain penekanan terhadap kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Khasanah, 2019). Hal ini bukan sahaja dapat menggalakkan pelajar bahasa untuk menguasai ilmu linguistik, malah mendorong mereka untuk mempraktikkannya di dalam kemahiran bahasa. Menurut (North, 2014), pembelajaran bahasa tidak dianggap sebagai usaha intelektual untuk melatih minda, tetapi sebagai kemahiran praktikal untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Objektif Kajian

1. Menilai kebolegunaan modul "*Marhaban*" dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di USAS.

Metodologi Kajian

Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan dengan menganalisis data penilaian daripada para penilai modul yang terdiri daripada dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berjudul "*Marhaban*" ini adalah berteraskan standard CEFR sebagai penanda aras untuk menilai dan mengukur tahap penguasaan bahasa Arab pada tahap permulaan (A1-A2). Modul ini dihasilkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, teori, kajian literatur dan semakan kurikulum. Maklumat analisis keperluan adalah penting bagi menghasilkan modul yang diperlukan tenaga pengajar. Modul ini dibangunkan dan dinilai kebolehgunaannya melalui beberapa fasa iaitu: fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Setelah modul ini disiapkan, ia disemak oleh pakar bidang iaitu penasihat modul. Cadangan dan penilaian daripada penasihat modul dikumpulkan dan setelah itu, modul tersebut dimurnikan semula. Setelah modul diperbaiki, modul tersebut

diedarkan kepada empat orang pakar yang terdiri daripada dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan dua orang daripada bukan penutur jati. Keempat-empat pakar ini menilai ketepatan kandungan modul bagi menentukan kesahan kandungan modul menepati standard CEFR.

Pembangunan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab “Marhaban” Berasaskan CEFR

Modul "*Marhaban*" merupakan modul yang dibangunkan hasil usaha kolektif pihak Jabatan Bahasa Arab, Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi (PBPA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dengan dibantu oleh seorang penasihat modul yang telah dilantik berdasarkan pengalaman dan ilmu pengetahuan beliau dalam bidang penggubalan kurikulum bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pembinaan buku ini adalah bagi menyahut seruan dan galakan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengaplikasikan kerangka CEFR dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa terhadap pelajar mahupun orang awam, di samping untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kursus bahasa Arab di USAS.

Modul "*Marhaban*" dibina berpandukan kepada kerangka CEFR sebagai asas utama, namun telah diolah secara fleksibel agar bersesuaian dengan latar belakang pelajar dan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Menurut (Russell, 1974), modul pengajaran dan pembelajaran yang baik hendaklah menitikberatkan latar belakang kumpulan sasaran, situasi pengajaran dan peruntukan masa yang bersesuaian dengan aktiviti yang dilaksanakan. Kandungan modul ini juga bertemakan persekitaran Malaysia dan Asia bagi memudahkan pelajar memahami dan menghayati penggunaan bahasa Arab dalam konteks yang tepat, realistik dan dekat dengan kehidupan mereka agar pembelajaran menjadi lebih bermakna. Pembelajaran bermakna akan lebih mudah difahami dan lebih lama diingati berbanding pembelajaran yang tidak bermakna (David Paul Ausubel, 1963).


Bagi tahap A1, pelajar mampu memahami dan menggunakan kosa kata serta frasa mudah yang digunakan dalam kehidupan seharian. Para pelajar juga mampu memperkenalkan diri sendiri dan orang lain, serta boleh bertanya dan menjawab soalan berkaitan butiran peribadi dan maklumat asas seperti nama, tempat belajar dan tempat tinggal mengikut tema yang dipilih dalam modul bahasa Arab "*Marhaban*". Antara tema yang terkandung di dalam modul "*Marhaban*" A1 ialah; *At-Tahiyyah wa At-Ta'aruf, Al-Usrah, As-Sakan, Al-Hayah Al-Yaumiyyah, At-To'am wa Asy-Syarab, Ad-Dirasah* dan *Al-'Amal*. Manakala bagi tahap A2, para pelajar mampu berkomunikasi, bertukar maklumat dan menghuraikan secara ringkas dengan menggunakan ayat serta ungkapan mudah yang kerap digunakan berkaitan dengan perkara lazim, contohnya maklumat peribadi, perkara rutin, hal-hal yang biasa dilakukan, aktiviti membeli-belah, tempat-tempat dan persekitaran tempatan. Antara tema yang terkandung di dalam modul "*Marhaban*" A2 ialah; *Al-Hiwayah, An-Nas wa Al-Amakin, At-Tasawwuq, As-Sihhah, Al-Jawwu, As-Safar* dan *Al-'Utlah*.

Di samping itu, kerangka CEFR turut meletakkan satu garis panduan dalam penyusunan kurikulum yang disesuaikan dengan empat kemahiran bahasa mengikut tahap tertentu. Menurut *Council of Europe* (2020), CEFR menekankan kepada gabungan empat kemahiran bahasa dalam pelbagai bentuk aktiviti dan strategi bahasa komunikatif (*communicative language activities and strategies*) dan menghasilkan empat mod komunikasi iaitu penerimaan, pengeluaran, interaksi dan pengantaraan. Mod penerimaan melibatkan aktiviti kemahiran mendengar dan membaca, manakala mod pengeluaran melibatkan kemahiran bertutur dan menulis. Mod interaksi dan pengantaraan pula merupakan strategi yang menggabungkan

kesemua kemahiran tersebut. Menurut Husain (2015), pembelajaran bahasa merupakan gabungan empat sub kemahiran yang kompleks iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Rentetan daripada itu, kesemua aktiviti dan latihan yang terkandung di dalam modul "Marhaban" menekankan aspek penguasaan empat kemahiran bahasa menerusi pelbagai bentuk aktiviti dan latihan sama ada secara sendiri mahupun berkumpulan. Hal ini bagi memastikan pelajar bahasa Arab dapat mempelajari dan mempraktikkan empat kemahiran bahasa yang utama secara komprehensif. Bagi kemahiran mendengar, aspek yang dititikberatkan adalah mendengar, mengenal pasti dan membezakan sebutan perkataan, frasa atau ungkapan serta memahami maknanya, manakala kemahiran bertutur pula memfokuskan kepada aspek memberi respons berdasarkan perkataan, frasa atau ungkapan yang diujarkan dengan sebutan yang betul dan jelas. Bagi kemahiran membaca, aspek yang ditekankan adalah menyebut, membaca dan memahami perkataan, frasa harian atau ungkapan yang diberikan dengan betul, jelas dan lancar, manakala kemahiran menulis pula memfokuskan kepada aspek mengeja, menyalin dan menulis perkataan, frasa harian atau ungkapan dengan ejaan dan tulisan yang betul dan jelas.

Selain itu, penggunaan multimedia seperti gambar dan ilustrasi menarik, berwarna serta pelbagai juga turut digunakan di dalam modul "Marhaban" bagi membantu pelajar memahami dan menguasai kosa kata, frasa harian dan ungkapan tanpa melalui terjemahan langsung. Manakala audio rakaman sebutan perkataan dan perbualan menggunakan kod QR juga turut disertakan dalam setiap tajuk atau tema untuk memudahkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran bahasa, khususnya kemahiran mendengar. Menurut Mohd, K. N. et al. (2019), penggunaan bahan multimedia dapat membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah. Pembangunan modul ini menggunakan model ADDIE sebagai panduan kerana ia adalah di antara model yang biasa digunakan dalam mereka bentuk modul pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Ringkasan aktiviti bagi setiap proses pembangunan modul ini diringkaskan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1: Proses pembangunan modul berdasarkan model ADDIE

Proses pembangunan modul berdasarkan model ADDIE ini melibatkan 5 proses utama iaitu:

i) Proses analisis keperluan

Proses ini mengambil kira saranan kerajaan ke arah implementasi kerangka CEFR, analisis kajian literatur dengan melihat kepada teori dan dapatan kajian serta semakan kurikulum sedia ada.

ii) Proses susun, strategi dan penyediaan

Proses ini melibatkan beberapa tindakan susulan iaitu lantikan pasukan pembangunan modul dan pakar penasihat. Melalui pasukan yang ditubuhkan tersebut, beberapa siri bengkel telah dijalankan untuk melakukan perbandingan di antara modul CEFR sedia ada di pasaran dan merangka draf kandungan modul. Selain itu, pihak Jabatan Bahasa Arab mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan dan pengenalan awal terhadap kerangka CEFR kepada semua ahli pasukan.

iii) Proses pembangunan, kesahan dan penambahbaikan

Proses seterusnya bermula daripada pelaksanaan beberapa siri bengkel pembangunan modul berdasarkan kepada dapatan proses sebelum ini. Kemudian, modul yang telah dibangunkan disemak oleh penilai dalaman dan penasihat modul yang telah dilantik. Penambahbaikan telah dibuat hasil daripada penilaian tersebut melalui pelaksanaan bengkel pemurnian modul.

iv) Proses pelaksanaan

Setelah melalui proses pemurnian, kajian rintis ke atas pelajar telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas awal pengguna terhadap kandungan modul dan keberkesannya dalam PdP. Dalam masa yang sama, kajian lapangan juga telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas berkaitan persepsi pengguna di kalangan pelajar dan guru. Seterusnya, hasil kedua-dua kajian ini digunakan sebagai rujukan dalam penambahbaikan modul.

v) Proses penilaian

Proses terakhir dimulai dengan proses semakan oleh empat orang panel penilai luar yang merupakan pakar bidang. Panel penilai tersebut terdiri daripada dua orang penutur jati dan dua orang bukan penutur jati. Modul yang dinilai tersebut adalah merupakan hasil terakhir yang telah ditambah baik melalui proses keempat sebelum ini. Dalam masa yang sama, modul tersebut juga diguna pakai oleh pelajar untuk menilai kebolegunaan modul berdasarkan pencapaian pelajar. Hasil daripada penilaian panel penilai luar dan keputusan pelajar, modul tersebut ditambah baik dari masa ke semasa.

Dapatan Kajian

Penilaian Kebolegunaan Modul "*Marhaban*" Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di USAS

Modul yang telah siap dibangunkan tersebut telah melalui proses semakan oleh penasihat modul untuk memastikan modul menepati standard yang terdapat dalam kerangka CEFR. Selain itu, modul juga telah dihantar kepada empat orang penilai luar yang terdiri daripada dua

orang pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Maklum balas dan cadangan daripada pihak penilai dikumpulkan, di analisis dan dijadualkan untuk mengenal pasti kekurangan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Hasil analisis kebolegunaan modul dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; (a) analisis maklum balas pakar dalam aspek penyampaian dan persembahan modul, (b) analisis maklum balas pakar dalam aspek isi kandungan modul, serta (c) analisis maklum balas pakar dalam aspek persembahan bahasa di dalam modul.

a) Analisis Kebolegunaan Modul: Maklum Balas Pakar Dalam Aspek Penyampaian Dan Persembahan Modul

Jadual 2: Analisis maklum balas pakar dari sudut penyampaian dan persembahan modul (tema dan tajuk, penyampaian teks & persembahan mengikut tahap)

Penyampaian dan persembahan modul					
Maklum Balas Pakar Bidang	Kesesuaian Dan Tajuk	Tema	Kejelasan Teks	Penyampaian	Kesesuaian Persembahan Mengikut Tahap A1 Dan A2
Pakar 1 (penutur jati bahasa Arab)	Penambahbaikan pada istilah		Mempelbagaikan bentuk arahan soalan dan bentuk ucapan untuk tajuk pertama.		Sesuai
Pakar 2 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai		Mempelbagaikan gaya bahasa dalam struktur ayat.		Sesuai
Pakar 3 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Pemilihan perkataan yang lebih menarik.		Mempelbagaikan penggunaan kata ganti diri dalam perbualan.		Sesuai
Pakar 4 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai		Saranan penggunaan bahasa buku.		Sesuai

Jadual ini menunjukkan analisis maklum balas daripada empat orang pakar, dua penutur jati bahasa Arab dan dua bukan penutur jati terhadap modul yang dinilai melalui tiga aspek utama iaitu kesesuaian tema dan tajuk, kejelasan teks dalam modul dan kesesuaian persembahan kandungan modul. Aspek kesesuaian tema dan tajuk merujuk kepada sejauh mana tema dan tajuk yang dipilih berkaitan dengan kandungan modul serta bersesuaian untuk diajarkan kepada pelajar di peringkat A1 dan A2 (peringkat asas dalam pembelajaran bahasa). Manakala aspek kejelasan penyampaian teks dalam modul pula menilai sejauh mana teks dalam modul disampaikan sama ada ia mudah difahami, menggunakan bahasa yang jelas, serta tidak terlalu sukar untuk difahami oleh pelajar di peringkat asas (A1 dan A2). Seterusnya, para pakar membuat penilaian terhadap persembahan kandungan modul bagi memastikan modul ini sesuai untuk pelajar di peringkat tersebut. Maklum balas daripada para pakar penting untuk memastikan modul ini memenuhi standard pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar pemula di tahap A1 dan A2.

Jadual 3: Analisis Maklum Balas Pakar Dari Sudut Penyampaian Dan Persembahan Modul (Susunan, Gambar & Persembahan Yang Mesra Pengguna)

Penyampaian dan persembahan modul			
Maklum Balas Pakar Bidang	Kesesuaian Susunan Isi Kandungan	Kesesuaian Penggunaan Gambar	Persembahan Yang Mesra Pengguna
Pakar 1 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Penambahbaikan pada pemilihan gambar yang lebih sesuai.	Objektif pembelajaran dipersembahkan dalam bentuk peta minda. Penambahbaikan pada isu membariskan perkataan.
Pakar 2 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Sesuai	Penambahbaikan pada isu membariskan perkataan.
Pakar 3 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Mempelbagaikan jenis grafik dan meletakkan <i>watermark</i>	Penambahbaikan pada isu membariskan perkataan dan saiz tulisan.
Pakar 4 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Mempelbagaikan jenis grafik dan mengurangkan penggunaan jadual.	Penambahbaikan pada isu membariskan perkataan.

Jadual ini menunjukkan analisis maklum balas pakar berkaitan penyampaian dan persembahan modul. Susunan isi kandungan dinilai untuk memastikan ia disusun dengan sistematik dan progresif, sesuai dengan tahap pemahaman pelajar peringkat A1 dan A2. Selain itu, penggunaan gambar yang tepat dapat membantu pelajar memvisualisasikan konsep dalam modul, terutamanya bagi pelajar di peringkat asas. Oleh itu, persembahan yang mesra pengguna merupakan elemen penting untuk memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan.

b) Analisis Kebolegunaan Modul: Maklum Balas Pakar Dalam Aspek Isi Kandungan Modul

Jadual 4: Analisis Maklum Balas Pakar Dari Sudut Isi Kandungan Modul

Kandungan Modul			
Maklum balas pakar bidang	Kesesuaian penyusunan kemahiran bahasa	Latihan pengukuhan dan aktiviti bahasa	Tatabahasa
Pakar 1 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Menyelaraskan kuantiti latihan pada setiap kemahiran bahasa.	Penambahbaikan pada penggunaan <i>alif lam makrifah</i> dan pemilihan harf jar.

bersambung

Pakar 2 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Mempelbagaikan aktiviti dan latihan.	Mempelbagaikan gaya bahasa dalam pembinaan ayat.
Pakar 3 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Menyelaraskan kuantiti latihan pada setiap kemahiran bahasa dan menggalakkan aktiviti berpusatkan pelajar.	Menyediakan nota ringkas untuk tatabahasa.
Pakar 4 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Menyusun aktiviti kemahiran membaca dan menulis yang bersesuaian serta mementingkan pementingkan tahap pada setiap aktiviti dan latihan.	Penukaran istilah <i>al-qawaid al-ammah</i> kepada <i>al-asalib al-basitah</i> .

Jadual ini menunjukkan analisis maklum balas pakar mengenai kandungan modul yang berfokus kepada beberapa aspek penting seperti penyusunan kemahiran bahasa, latihan pengukuhan, aktiviti bahasa, dan tatabahasa. Kemahiran bahasa dalam modul disusun secara sistematik mengikut tahap pembelajaran bahasa. Manakala aspek kedua iaitu latihan pengukuhan dan aktiviti bahasa dinilai sama ada latihan yang disediakan membantu pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dan menyokong perkembangan kemahiran bahasa mereka di peringkat asas. Selain itu, pakar juga menilai cara memperkenalkan elemen tatabahasa bagi memastikan ia mudah difahami oleh pelajar dan sesuai dengan tahap pembelajaran mereka.

c) Analisis Kebolegunaan Modul : Maklum Balas Pakar Dari Sudut Persembahan Bahasa Di Dalam Modul

Jadual 5: Analisis maklum balas pakar dari sudut persembahan bahasa di dalam modul

Persembahan Bahasa			
Maklum Balas Pakar Bidang	Kesesuaian Penggunaan Gaya Bahasa	Kesesuaian Penggunaan Kosa Kata	Kesesuaian Penggunaan Bahasa Mengikut Tahap A1 Dan A2
Pakar 1 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Sesuai	Sesuai
Pakar 2 (penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Sesuai	Sesuai
Pakar 3 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Sesuai dan perlu penambahbaikan dari sudut membariskan arahan soalan dan latihan.	Sesuai
Pakar 4 (bukan penutur jati bahasa Arab)	Sesuai	Sesuai dan perlu menetapkan satu standard meletakkan	Sesuai

bersambung

penutur jati
bahasa Arab)

baris perkataan secara
sistematik.

Jadual ini menunjukkan maklum balas daripada pakar mengenai persembahan bahasa dalam modul. Maklum balas ini terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu kesesuaian penggunaan gaya bahasa, kesesuaian penggunaan kosa kata, dan kesesuaian penggunaan bahasa mengikut tahap A1 dan A2. Pakar menilai sama ada gaya bahasa yang digunakan dalam modul sesuai dengan konteks pembelajaran. Selain itu, mereka juga menilai dari sudut pemilihan kosa kata sesuai dengan tahap pelajar. Di samping itu, penilaian juga dibuat terhadap keseluruhan penggunaan bahasa, termasuk tatabahasa dan struktur ayat, untuk memastikan ia sejajar dengan tahap pembelajaran A1 dan A2.

Perbincangan

a) Analisis kebolegunaan modul: Maklum balas pakar dalam aspek penyampaian dan persembahan modul

Berdasarkan jadual 2 dan 3, bahagian penyampaian dan persembahan modul melibatkan 6 item penilaian yang merangkumi (1) kesesuaian tema dan tajuk, (2) kejelasan penyampaian teks, (3) kesesuaian persembahan mengikut tahap A1 dan A2, (4) kesesuaian susunan isi kandungan, (5) kesesuaian penggunaan gambar dan (6) persembahan yang mesra pengguna.

Item 1: Kesesuaian tema dan tajuk

Bagi item kesesuaian tema dan tajuk, pakar 2 dan pakar 3 berpendapat tema dan tajuk yang dipilih adalah bersesuaian. Manakala pakar 1 pula berpendapat perlu ada penambahbaikan pada pemilihan istilah. Begitu juga dengan pakar 3 yang menyarankan agar memilih perkataan yang lebih menarik bagi tema dan tajuk.

Item 2: Kejelasan penyampaian teks

Bagi item kejelasan penyampaian teks pula, kesemua pakar mencadangkan penambahbaikan dari pelbagai sudut. Pakar 1 mencadangkan agar mempelbagaikan bentuk arahan soalan dan bentuk ungkapan dalam tajuk pertama. Pakar 2 pula berpendapat perlu ada kepelbagaian gaya bahasa dalam struktur ayat. Pakar 3 pula mencadangkan kepelbagaian penggunaan kata ganti diri dalam perbualan dan pakar 4 menyarankan agar menggunakan bahasa buku dalam penyampaian teks.

Item 3: Kesesuaian persembahan mengikut tahap A1 dan A2

Sementara itu, bagi item kesesuaian persembahan pula, keempat-empat pakar bersetuju bahawa persembahan teks dan kandungan adalah sesuai dengan tahap A1 dan tahap A2.

Item 4: Kesesuaian susunan isi kandungan

Bagi item kesesuaian susunan isi kandungan pula, kesemua pakar bersetuju dengan kesesuaian susunan isi kandungan yang terdapat di dalam modul.

Item 5: Penggunaan gambar

Manakala bagi item penggunaan gambar pula, hanya seorang sahaja iaitu pakar 2 yang bersetuju dengan kesesuaian gambar yang digunakan. Manakala tiga orang pakar lagi memberikan cadangan agar menambah baik penggunaan gambar di dalam modul. Pakar 1 mencadangkan agar memilih gambar yang lebih sesuai, manakala pakar 2 pula mencadangkan agar mempelbagaikan jenis grafik dan meletakkan *watermark*. Pakar 3 pula mencadangkan

agar mempelbagaikan jenis grafik serta mengurangkan penggunaan jadual. Penggunaan grafik dapat membantu menjadikan proses penyampaian pelajaran menjadi lebih jelas dan menarik (Amrina et al, 2021).

Item 6: Persembahan modul yang mesra pengguna

Item terakhir yang dinilai dalam bahagian ini ialah persembahan modul yang mesra pengguna. Kesemua pakar memberikan komen yang sama terhadap aspek perletakkan baris pada perkataan. Selain itu, pakar 1 turut mencadangkan agar mempersembahkan objektif pembelajaran bagi setiap topik dalam bentuk peta minda. Penerangan tentang objektif yang perlu dicapai perlu dinyatakan dengan jelas agar pelajar tahu usaha yang perlu dilakukan untuk mencapainya (Brown, S. et al., 1994).

b) Analisis Kebolegunaan Modul: Maklum balas pakar dalam aspek isi kandungan modul

Berdasarkan jadual 4, bahagian isi kandungan modul melibatkan 3 item penilaian yang merangkumi (1) kesesuaian penyusunan kemahiran bahasa, (2) latihan pengukuhan dan aktiviti bahasa dan (3) tatabahasa.

Item 1: Kesesuaian penyusunan kemahiran bahasa

Bagi item kesesuaian penyusunan kemahiran bahasa, kesemua pakar bersetuju dengan pendekatan susunan kemahiran bahasa yang diterapkan di dalam kedua-dua modul. Pengarang mengambil pendekatan dengan menyusun kemahiran bahasa yang mudah terlebih dahulu dan diakhiri dengan kemahiran bahasa yang sukar. Perkara ini seiring dengan prinsip pembelajaran kognitif yang menekankan kepada penyusunan kandungan pembelajaran daripada mudah kepada susah (Ausubel, D. P., 2012). Susunan kemahiran bahasa di dalam kedua-dua modul dimulai dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Item 2: latihan pengukuhan dan aktiviti bahasa

Manakala bagi item latihan pengukuhan dan aktiviti bahasa, kesemua pakar telah memberi komen membina dalam menambah baik mutu modul. Pakar 2 mencadangkan supaya mempelbagaikan bentuk aktiviti dan latihan. Menurut pakar 3, aktiviti dan latihan sebaiknya diterapkan elemen berpusatkan pelajar bagi menghasilkan pembelajaran yang aktif. Menurut Weimer (2013), penerapan elemen berpusatkan pelajar di dalam pembelajaran akan menjadikan pelajar lebih aktif kerana mereka perlu 'bertindak' dan 'berkerjasama' dalam menyiapkan sesuatu tugas. Walau bagaimanapun, pakar 1 dan pakar 3 berpendapat supaya kuantiti latihan diselaraskan semula supaya seimbang bagi semua kemahiran. Manakala pakar 4 pula berpendapat bahawa penyusunan aktiviti kemahiran membaca dan menulis perlulah bersesuaian dengan tahap serta pemerinkatan tahap pada setiap aktiviti dan latihan hendaklah diberi penekanan. Penekanan terhadap aspek latihan dan aktiviti bahasa ini seiring dengan hasil kajian Azli dan Akmar (2019), yang mendapati kebanyakan guru yang mengajar menggunakan kerangka CEFR sangat bergantung kepada latihan di dalam buku dalam pengajaran mereka dan menganggapnya sebagai sumber utama dalam menilai pelajar. Oleh itu, sekiranya latihan di dalam buku tidak selari dan tidak sesuai, maka ia akan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran.

Item 3: Tatabahasa

Bagi item tatabahasa pula, pakar 1 berpendapat supaya dibuat penambahbaikan pada penggunaan *alif lam makrifah* dan *pemilihan harf jar*. Hal ini kerana penggunaan *alif lam makrifah* pada perkataan-perkataan tidak selari. Manakala bagi pemilihan *harf jar* pula tidak

bersesuaian dengan topik yang dipelajari. Manakala pakar 2 pula berpendapat bahawa penambahbaikan boleh dibuat dengan mempelbagaikan gaya bahasa dalam struktur ayat. Ini bagi memberi keseronokan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa dan tidak hanya mempelajari gaya bahasa yang sama sahaja, misalnya menambah gaya bahasa *ta'ajjub*. Pakar 3 pula berpendapat supaya disediakan nota ringkas khusus berkaitan tatabahasa bagi meningkatkan kefahaman pelajar secara menyeluruh dan seragam. Walaupun CEFR tidak menekankan aspek tatabahasa, namun kefahaman tentang tatabahasa perlu diterapkan secara tidak langsung dalam mempelajari empat kemahiran bahasa. Oleh itu, keperluan kepada nota ringkas ini adalah wajar bagi membantu pelajar lebih memahami kaedah tatabahasa yang ingin diterapkan. Pakar 4 pula berpendapat bahawa istilah *al-qawaid al-ammah* sewajarnya ditukarkan kepada *al-asalib al-basitah*.

c) Analisis kebolegunaan modul: Maklum balas pakar dari sudut persembahan bahasa di dalam modul

Berdasarkan jadual 5, bahagian persembahan bahasa di dalam modul melibatkan 3 item penilaian yang merangkumi (1) kesesuaian penggunaan gaya bahasa, (2) kesesuaian penggunaan kosa kata dan (3) kesesuaian penggunaan bahasa mengikut tahap A1 dan A2.

Dapatan kajian mendapati kesemua pakar bersetuju dengan aspek kesesuaian penggunaan gaya bahasa, penggunaan kosa kata dan penggunaan bahasa mengikut tahap A1 dan A2. Namun, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang diberikan terhadap item kesesuaian penggunaan kosa kata iaitu perletakan baris pada arahan soalan dan pada perkataan yang digunakan secara sistematik. Dapatan ini juga adalah selari dengan maklum balas yang diberikan di bahagian penyampaian dan persembahan modul (rujuk jadual 3).

Kesimpulan

Penghasilan modul pengajaran dan pembelajaran pada peringkat rendah iaitu A1 dan A2 di universiti perlu mengambil kira keperluan dan keinginan para pelajar untuk terus belajar. Oleh itu, pembangunan modul pada peringkat ini perlu relevan supaya dapat menarik minat para pelajar untuk terus belajar. Aktiviti pembelajaran bertemakan persekitaran setempat selari dengan standard kerangka CEFR yang dibangunkan di dalam modul ini berupaya memberikan pengalaman pembelajaran bahasa yang bermakna. Modul ini menekankan penguasaan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis melalui latihan dan aktiviti yang disediakan. Sepanjang aktiviti pembelajaran, para pelajar menguasai bahasa secara semula jadi melalui penerokaan bahan dan inisiatif sendiri. Interaksi dengan rakan semasa aktiviti di dalam kelas bukan sahaja meningkatkan kemahiran literasi, tetapi juga kemahiran sosial.

Rujukan

- Abdul Razif Zaini, N. Z. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: permasalahan dan cabaran. *Malaysia: Jurnal Pengajian Islam*.
- Abdul Razak Zainur Rijal, Rosni Samah, & Sulaiman Ismail. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 10, Issue 1, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.

- Al-Jarf, R. S. & Mingazova, N. G. (2020). Evaluation of Arabic language teaching textbooks used in Russia in the light of the CEFR criteria. *Proceedings VI International Forum on Teacher Education*, 101-129.
- Azli, N., & Akmar, A. (2019). Implementation of CEFR-Aligned Assessment Tools in Malaysian ESL Classroom. *Asia Proceedings of Social Sciences*, 4, 7-10. <https://doi.org/10.31580/apss.v4i2.688>
- Amrina, Adam Mudinillah, Ega Putri Handayani. (2021). Pemanfaatan Aplikasi Canva Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Arab Di Man Gunung Padang Panjang. *Tarbiyatuna: Jurnal Pendidikan Ilmiah*, 6(2), 101-116.
- Ausubel, D. P. (2012). *The Acquisition and Retention of Knowledge: a Cognitive View*. Springer Science Business Media.
- Brown, S., C. Rust, and G. Gibbs (1994). *Involving students in assessment*. In *Strategies for Diversifying Assessment in Higher Education*. Oxford: The Oxford Centre for Staff Development.
- Council of Europe (2020), *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, teaching, assessment – Companion volume*, Council of Europe Publishing, Strasbourg.
- Council of Europe. (2001). *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment*. Cambridge: Cambridge University Press.
- David Paul Ausubel. (1963). *The Psychology of Meaningful Verbal Learning*. New York, Grune & Stratton.
- Ehsan Namaziandost, Mina Homayouni & Pegah Rahmani (2020) The impact of cooperative learning approach on the development of EFL learners' speaking fluency, *Cogent Arts & Humanities*, 7:1, DOI: 10.1080/23311983.2020.1780811 <https://www.tandfonline.com/doi/epdf/10.1080/23311983.2020.1780811?needAccess=true>
- Husain, N. (2015). Language and language skills. Maulana Azad National Urdu University, 1-11. https://www.researchgate.net/profile/Noushad-Husain/publication/274310952_Language_and_Language_Skills/links/551ac5730cf2fdce843775c0/Language-and-Language-Skills.pdf
- Ismail, Z. (2008). Penilaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. *Tesis PhD*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamous, R., & Chik, A. R. (2012). "Teaching Arabic for Cultural Purposes: A Case Study of Francophone Program of Arabic at Aleppo University". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 66, Elsevier BV, United Kingdom.
- Khasanah, R. (2019). Kerangka Pengajaran Bahasa Asing Level A1-A2 Dalam Standar Cefr (Studi Pendekatan Filsafat Bahasa). *Thesis (Masters)*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Lusi Marleni, P. A. (2019). Developing Social Media-Based Textbook for Speaking Class in English Study Program. *Riau: Journal of English Educators Society*.
- Mohamad Hussin, Z. I. (2023, January). Error Analysis of Form Four KSSM Arabic Language Text Book in Malaysia . *Theory and Practice in Language Studies*, Vol. 13, No. 1, pp. 175-185. Academy Publication.
- Maryellen Weimer. (2013). *Learner-Centered Teaching: Five Key Changes to Practice*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd, K. N., Adnan, A. H. M., Yusof, A. A., Ahmad, M. K., & Mohd Kamal, M. A. (2019). Teaching Arabic Language to Malaysian University Students using Education Technologies based on Education 4.0 Principles. In MNNF Network (Ed.), *Proceedings of the International Invention, Innovative & Creative (InIIC) Conference, Series 2/2019 (pp. 38-51)*. Senawang: MNNF Network.

- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar, Saupi Man. (2020). *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemahiran (PASAK). Kemahiran Menulis Pelajar Diploma Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia Berdasarkan Persepsi dan Ujian Pengesanan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nik Mohd Rahimi, Z. H. (2014). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Secara Aturan Kluster Semantik dan Aturan Kluster Bebas. *Malaysia: Jurnal Teknologi (Social Sciences)*.
- North, B. (2014). *The CEFR in practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 2013. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rani, N. I. S. C., & Bakar, K. A. (2021). Kaedah Menilai Kecekapan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 4(1), 158-170.
- Reima S. Al-Jarf, N. G. (2020). Evaluation of Arabic Language Teaching Textbooks Used in Russia in the Light of the CEFR Criteria. *ARPHA Proceedings*. Riyadh.
- Roziqi, M. A. (2020, January). Development of Pictorial Textbook for Arabic Speaking Skill in Islamic Studies Program. *Indonesia: Izdihar: Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 2(3), 217-230.
- Russell, J. D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to Design, Selection, Utilization, and Evaluation of Modular Materials*. New York: Burgess Publishing Company.
- Samah, R. (2010). Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah: Kajian Kepada Guru Bahasa Arab di SMKAKL. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Samah, R. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12)*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, Norhayati Che Hat, Kahirun Nisak Mad Saad. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Luar Kelas dalam Kalangan Penutur Bukan Asli Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59-69.
- Sumaiyah Sulaiman, Nik Farhan Mustapha, PabiyahToklubok@Hajimaming, Wan Muhammad Wan Sulong. (2018). Halangan Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 1-14.
- Wu, W. (2011). An Investigation of the Nature and Functions of Exercises in Textbooks for Intensive Reading Course for English Majors. *Journal of Language Teaching and Research*, 2(5), 998.
https://www.researchgate.net/publication/268184329_An_Investigation_of_the_Nature_and_Functions_of_Exercises_in_Textbooks_for_Intensive_Reading_Course_for_English_Majors